

'Banyak kepala pernah berdarah'

Ramai mangsa baling objek trauma lalu di kawasan terbuka

KUALA LUMPUR - Kes kematian seorang remaja berusia 15 tahun akibat ditimpa kerusi yang dipercayai dibaling dari tingkat 21 Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Pantai, Pantai Dalam di sini, baru-baru ini meninggalkan kesan kepada mereka yang pernah melalui situasi sama.

Mengimbas kembali tragedi ngeri itu, seorang ibu tunggal mendakwa anaknya yang ketika itu masih kecil pernah menjadi mangsa sikap tidak bertamadun penghuni tidak bertanggungjawab.

Suzana Mohamad, 42, ibu kepada Alif Danial Abdullah, 16, berkata, kejadian berlaku di blok sama peristiwa itu berlaku sebelum ini.

Dia berdepan detik cemas apabila anak bongsunya pulang ke rumah dalam keadaan kepala terbelah dan darah mengalir akibat ditimpa kayu yang dibuang dari atas.

Menurutnya, Alif Danial ketika itu baru berusia kira-kira lapan tahun sedang bermain bersama rakan-rakan di blok bersebelahan. "Saya berada di rumah,



SUZANA

tiba-tiba kawan-kawannya panggil dan saya lihat Danial balik dalam keadaan bertumuran darah. Dia masih kecil ketika itu meraung-raung menahan sakit. Saya hanya bawa ke klinik untuk rawatan dan dia menerima tujuh jahitan.

"Nasib baik pemeriksaan lanjut mendapati tiada kecederaan serius lain. Sejak dari itu, saya sendiri menjadi trauma untuk lalu di kawasan terbuka. Kes begini bukan baru. Sejak dulu lagi," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pengalaman sama dikongsi seorang warga emas Raja Janab Raja Kasim, 65, apabila anak perempuannya yang merupakan OKU



RAJA JANAB

● Kejadian pernah berlaku di blok sama sebelum ini

● Kanak-kanak, OKU antara yang pernah menjadi mangsa

pendengaran pulang dalam keadaan berdarah di kepala.

Suriati Mohamad, 44, ketika itu turun ke bawah untuk ke kedai, tetapi berpatah balik ke rumah setelah ditimpa objek dipercayai kacay yang dibuang dari tingkat atas. "Dia tidak boleh



HAMIDAH

bercakap, jadi dia balik sendiri dengan keadaan kepala berdarah. Lukanya tidaklah sampai berjahit, tapi teruk juga," katanya.

Sementara itu, peniaga, Hamidah Taan, 57, berkata, dia pernah kerugian ribuan ringgit setelah keretanya kemek di bahagian bumbung ditimpa batu-bata yang dibaling dari atas.

Ujarnya, walaupun kereta diletakkan agak jauh dari jarak bawah blok, dia tidak terlepas daripada menjadi mangsa.

"Jika ikutkan jarak memang jauh. Jadi memang pelaku sengaja nak baling kena kereta. Nak baik kena tanggung sendiri," katanya.

Kempen kesedaran pupuk kerjasama penduduk

SUBANG JAYA - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan memperbanyakkan program dan aktiviti di kawasan perumahan strata bagi memupuk kesedaran awam tentang kepentingan kerjasama serta penglibatan penduduk dalam pengurusan.

Timbalan Pengarah Korporat Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MPSJ, Azfarizal Abdul Rashid berkata, program pendidikan dan kesedaran itu adalah langkah tepat menggalakkan masyarakat membantu Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) dalam menyelesaikan isu berbangkit mengenai kebersihan, kesihatan dan keselamatan dihadapi penghuni rumah bertingkat.

Menurutnya, meskipun tiada peruntukan khusus kepada perumahan strata bagi penyelenggaraan, namun MPSJ sentiasa menyokong segala bentuk program dijalankan oleh JMB dan MC.

"MPSJ tidak mengeluarkan peruntukan bagi tujuan prasarana atau keselamatan kerana skop itu di bawah tanggungjawab pihak JMB dan MC kawasan tersebut.

"Tiada sebarang laporan direkodkan atau diterima berhubung tindakan bahaya penghuni membuang sampah daripada tingkat atas sehingga membahayakan orang awam setakat ini," katanya mengulas insiden kerusi terbang yang meragut nyawa seorang pelajar lelaki di PPR Sri Pantai baru-baru ini.

Katanya, pengurusan rumah strata boleh mengguna pakai Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dalam mengawal selia segala aktiviti yang dijalankan di dalam kawasan pangsapuri tersebut.

"Setiap kesalahan yang dilakukan oleh pemilik yang ingkar boleh dikenakan denda oleh pihak JMB atau MC seperti yang diluluskan dalam Undang-undang Kecil semasa Mesyuarat Agung Tahunan dijalankan," katanya.



ASFARIZAL



Zainul Abidin (kiri) menunjukkan suasana di bawah sebuah blok dipenuhi sampah yang dibuang oleh penghuni.

Guna grup WhatsApp lapor aktiviti buang sampah

KLANG - Penduduk mengguna pakai aplikasi grup WhatsApp bagi menyalurkan aduan berkenaan maklumat pembuangan sampah di Pangsapuri Seri Perantau, Pelabuhan Klang.

Penduduk, Nor Zakiah Mat, 50, berkata, jika terjumpa sampah yang dibuang atau ditinggal merata-rata, penduduk akan mengambil gambar dan memuat naik gambar itu melalui aplikasi berkenaan.

"Kebiasaannya, penduduk akan buka plastik sampah tersebut dan jika ada sampul surat tertera alamat rumah atau resit, ia memudahkan lagi penghantaran sampah ke rumah tersebut.

"Kita akan hantar sampah itu ikut alamat yang tertera, bila berjumpa penghuni kita akan bagi nasihat dan teguran agar tidak

mengulangi perbuatan itu," katanya.

Menurutnya, pendekatan yang diguna pakai penduduk itu memang berhasil kerana sampah berjaya dipulangkan kepada mereka yang membuangnya.

"Secara tak langsung mereka akan malu dengan sendirinya dan lama-kelamaan sikap itu dapat dibaiki sedikit demi sedikit.

"Berbeza dengan sampah pukal seperti barangan perabot yang sehingga kini masih berlaku dan sukar untuk dibendung," katanya.

Dalam pada itu, seorang lagi



NOR ZAKIAH

penduduk, Zainul Abidin Abu Hassan berkata, berbeza dengan perbuatan vandalisme di sini ia masih tinggi berlaku.

"Bagaimanapun perbuatan baling kerusi, televisyen dan barangan berat lain tidak berlaku lagi sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Saya harap perbuatan yang boleh meragut nyawa itu tidak akan berlaku di sini.

"Rata-rata penduduk di sini ada buang sampai tetapi belum sampai ke tahap yang serius seperti itu," katanya.